

06/10/1998

Najib tunggu masa sesuai tawar diri

KUALA LUMPUR, Isnin - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, akan memutuskan sama ada sedia menawarkan diri atau sebaliknya bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno pada masa sesuai.

Menurutnya, ketika ini beliau ingin menumpukan usaha membantu Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh parti.

"Kita mesti fokus lebih kepada usaha yang ada di depan kita. Itu adalah cabaran utama.

"Jadi bagi saya yang diberi tugas sebagai Pengerusi Penyelaras Perhimpunan Perdana Barisan Nasional (BN) pada 10 Oktober ini, saya menumpukan perhatian saya kepada tugas ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Setiausaha Agung dan Setiausaha Komponen BN, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan CNBC yang memetik seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai berkata di New York bahawa beliau tidak menolak kemungkinan bertanding jawatan Timbalan Presiden parti tahun depan.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata, masanya belum sesuai untuk menyatakan pendirian kerana parti kini menghadapi masalah yang perlu ditangani segera.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pihaknya menyerahkan sepenuh mandat kepada Majlis Tertinggi (MT) dan Presiden Umno untuk menentukan siapa juga yang layak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Kita serah kepada Presiden untuk tentukan. Saya belum bincangkan lagi dengan Pemuda. Siapa juga calon (yang dilantik), Pemuda akan setuju.

"Kita tidak menyebelah kepada sesiapa," katanya kepada Berita Harian di sini hari ini.

Mengulas dakwaan bahawa penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih bersetuju jika Najib dilantik ke jawatan nombor dua dalam kerajaan itu, Hishammuddin yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama berkata, sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berhak melantik siapa juga yang beliau mahu sebagai timbalannya.

"Kita tidak kira apa asas yang digunakan untuk membuat pelantikan, tetapi yang penting ialah ia keputusan MT dan Presiden Umno.

"Selain itu, MT juga wajar membincangkan pendekatan paling baik untuk merapatkan barisan kita dalam parti," katanya.

(END)